

**Kajian Status Sistem Penyampaian:  
Peranan Media dalam Program Pembangunan Belia Luar Bandar**

**Abstrak**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui status sistem penyampaian dalam penganjuran program pembangunan belia di luar Bandar. Sehubungan dengan itu, keperluan belia terhadap sistem penyampaian turut dikaji. Kajian ini turut dijalankan bagi mengenalpasti bentuk program pembangunan belia, agensi pelaksana yang menganjurkannya dan melihat kekuatan dan kelemahan penganjuran program tersebut. Di samping itu, kajian ini turut meninjau faktor yang menghalang belia menyertai program pembangunan belia di luar bandar. Pendekatan kualitatif dan kuantitatif kedua-duanya telah digunakan bagi tujuan pengumpulan data. Kaedah pengumpulan data kuantitatif yang digunakan adalah tinjauan di mana borang soal selidik telah diedarkan ke seluruh daerah luar bandar Sabah dan seramai 560 orang responden telah mengembalikan soal selidik tersebut. Data kemudiannya dianalisis secara deskriptif menggunakan frekuensi, min, dan sisihan piawai. Data turut dianalisis secara kualitatif di mana akhirnya tema-tema terhasil dari data itu sendiri. Hasil yang diperolehi daripada soal selidik menunjukkan status sistem penyampaian dalam kalangan belia luar Bandar adalah dalam keadaan sederhana jika dilihat dari pelbagai aspek termasuklah persepsi terhadap penggunaan media massa. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan keperluan penambahbaikan sistem penyampaian dalam program pembangunan belia luar bandar merangkumi tiga aspek utama iaitu infrastruktur, kualiti dan program. Dapatan kajian ini turut mendapat terdapat tiga bentuk program pembangunan belia luar bandar yang dianjurkan iaitu pendidikan, ekonomi dan sosial. Belia dan agensi pelaksana bersepakat tentang kekuatan dan kelemahan penganjuran program pembangunan belia luar bandar. Kajian ini turut mendapat faktor-faktor yang menghalang belia daripada menyertai program pembangunan belia luar bandar boleh dilihat dari enam dimensi iaitu tempat, tajaan yuran, kualiti kursus, sikap, kerelevan dan tindakan susulan. Beberapa cadangan dikemukakan untuk meningkatkan sistem penyampaian program pembangunan belia luar bandar.

***Status of Delivery System :  
Role of Media in Rural Youth Development Program***

***Abstract***

*The purpose of this study is to identify the status and needs of the delivery system of the youth development programs. The study also investigates the youth development programme implemented in rural areas. The study also investigates the strength and weaknesses of the programme developed by relevant agencies. In addition, this study is conducted to discover factors influencing youth in participating in the youth development programme and also to. Both approaches are used i.e. qualitative and quantitative. For qualitative method, questionnaires were distributed throughout rural areas in Sabah and 560 of the questionnaires were returned. Data was analysed descriptively using frequency, mean and standard deviation. Data was also analysed qualitatively where themes emerged from the data itself. From the study conducted, it was found that the delivery system was at a moderate level including their perceptions towards the application of the delivery system. The data also showed that there were three types of programmes organised for youth development in rural areas i.e. education, economy and social. Both, youth and the agency agreed to the strength and weaknesses of the programme organised. It was also found that factors influencing the youth to join the programme can be classified into six dimensions i.e. locality, sponsored fees, course quality, attitude, relevancy and the follow-up. Finally, the study showed that the delivery systems in the youth development need improvement in three main aspects for example, infrastructure, quality and the programme itself. Few recommendations were proposed to enhance the delivery system for youth development programme in rural areas.*